

# KENYATAAN AKHBAR

## PROGRAM LATIHAN PRAKTIKAL PERSONEL BINAAN WILAYAH UTARA DILANCAR

**PERAK, 7 Jun:** Para belia yang mengikuti kursus personel binaan di bawah kelolaan Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Utara bakal merasai pengalaman bekerja dalam tred latihan yang mereka ikuti apabila Program Latihan Praktikal Personel Binaan Wilayah Utara dilancarkan oleh Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, hari ini.

Program berkenaan yang bertujuan melahirkan pelatih atau graduan berkemahiran dan berpengalaman adalah persediaan awal kepada belia berkenaan sebelum melangkah ke alam perkerjaan yang sebenar.

Untuk peringkat awal seramai 40 belia yang mengikuti kursus di ABM Wilayah Utara dalam tred pendawaian (*wiring*), penerapan bata (*bricklaying*) dan mengecat (*painting*) dipilih untuk projek pilot iaitu membaikpulih dan menyelenggara Surau Ibtidaiyah di Kampung Sungai Siput Hulu, Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak.

Program latihan praktikal tersebut yang juga merupakan program tanggungjawab sosial korporat Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mengambil masa lima hari untuk disiapkan dengan kerjasama penuh daripada Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) Daerah Kuala Kangsar dan penduduk setempat Kampung Sungai Siput Hulu.

Para belia yang ingin mengikuti kursus dan latihan yang di tawarkan oleh ABM bolehlah menghubungi Akademi Binaan Malaysia Wilayah Utara, Lot 2991 & 2992, Jalan Sintok – Padang Sanai, 06010 Sintok, Kedah Darul Aman atau menghubungi talian 04-924 2200.

\*\*\*\*

---

### **Mengenai CIDB**

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---

### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Rakis Santa : [rakis@cidb.gov.my](mailto:rakis@cidb.gov.my)      03-4047 6272 / 012-6200 360  
Noryani Ismail : [noryani@cidb.gov.my](mailto:noryani@cidb.gov.my)      03-4047 7027 / 019-285 6867